

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : DALAM NEGERI

MINGGUAN MALAYSIA M/S 9 DALAM NEGERI
1/12/2024 AHAD

KKM perlu segera cari pembekal insulin baharu

Oleh AIMAN ALI
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu segera memperhalusi alternatif pembekal insulin bagi menampung bekalan insulin kepada pesakit kencing manis di fasiliti kesihatan awam.

Ia berikutan beberapa negeri didakwa kritikal sehingga agihan kepada pesakit terpaksa dicatuh dua kali sebulan sejak Ogos lalu.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Prof. Dr. Jamalludin Ab. Rahman berkata, bekalan insulin tidak mencukupi disebabkan pengedar tidak mampu menyediakan mengikut keperluan ditetapkan oleh KKM.

"Bagaimanapun, bekalan insulin perlu diutamakan kerana banyak pesakit yang bergantung kepada perubatan tersebut.

"Saya mendapat makluman bahawa KKM ketika ini sedang membuat penggantian kepada jenama lain namun masih mengekalkan dengan kualiti dan fungsi terapeutiknya. Sebagai contoh, bagi ubat paracetamol ada jenama Panadol tetapi kita juga ada Uphamol dengan

fungsi yang sama," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Kelmarin, akhbar ini mendekah isu kekurangan bekalan insulin banyak didakwa dialami di fasiliti kerajaan terutamanya di negeri-negeri Lembah Klang seperti di Selangor, Kuala Lumpur dan di kawasan Pantai Timur di Pahang.

Masalah itu disyaki berlaku di peringkat pembekal sehingga menjelaskan bekalan dan isu ini mula dikesan sejak Ogos lalu.

Satu sumber mendedahkan kepayaan untuk mendapat bekalan insulin untuk menstabilkan diabetes seseorang individu dibimbangi mengancam nyawa pesakit mereka perlu datang lebih kerap ke fasiliti kesihatan bagi mendapatkan dua unit insulin untuk dua minggu.

Mengulas lanjut, Jamalludin berkata, masyarakat perlu mengambil isu ini dengan serius bagi menjaga kesihatan serta pengambilan gula harian mereka.

"Kita (hospital kerajaan) semakin tenat ketika ini. Ambil iktibar daripada perkara ini. Kerajaan sudah pun berusaha melalui kempen Kurangkan Gula dan War On Sugar. Justeru, masyarakat perlu prihatin tentang isu ini," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30
RUANGAN : NASIONAL

SINAR AHAD M/S 30 NASIONAL 1/12/2024 (AHAD)

Wanita ditahan buka 'klinik gigi' di rumah

Individu didapati bersalah boleh didenda sehingga RM300,000 dan penjara

Oleh NIK AMIRULMUMIN NIK MIN KUANTAN

J abatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP) berjaya membongkar operasi klinik pergigian swasta tidak berdaftar susulan serbuan terhadap sebuah rumah di sini pada Khamis lalu.

Pengarah Kesihatan Pahang, Datuk Dr Rusdi Abd Rahman berkata, klinik yang menawarkan khidmat memasang pendakap gigi itu didapati dikendalikan seorang wanita berusia dalam lingkungan 20-an yang tidak bertauliah sejak 2020.

Menurutnya, hasil operasi tersebut, beberapa peralatan untuk perkhidmatan pemasangan pendakap gigi dianggarkan bernilai RM500 dirampas.

"Berdasarkan aduan awam, operasi terhadap premis ini dilakukan Bahagian Kesihatan Pergigian JKNP Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Pemeriksaan mendapati premis ini menyediakan perkhidmatan rawatan pergigian sebagai sebuah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta

Mahkamah & Jenayah

(KPJKS) yang dikawal dan dikawal selia mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

"Sedangkan, semua klinik perubatan atau pergiliran swasta perlu didaftarkan mengikut Seksyen 27 akta sama manakala Subseksyen 62(1) Akta Pergigian 2018 (Akta 804) memperuntukkan larangan menjalankan amalan pergiliran oleh seseorang yang tidak didaftarkan di bawah akta itu," katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Rusdi berkata, amalan pergigian oleh individu tidak berdaftar melanggar peruntukan mengikut Subseksyen 62(1) Akta 804 dan boleh dihukum di bawah Subseksyen 62(3) akta sama.

"Pengoperasian premis tanpa didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula adalah pelanggaran Subseksyen 4(1) Akta 586 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 5(1) akta yang sama." - Dr Rusdi Abd Rahman

Tentauilah dan pengoperasian klinik pergiliran haram di negeri ini.

"Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati dengan pelbagai iklan dan testimonial dipaparkan melalui media sosial bagi mengelak menjadikan mangsa kepada pengamal pergigian haram ini," katanya.

"Mana-mana pihak yang didapati bersalah atas dua kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi RM300,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya bagi setiap kesalahan," ujarnya.

Tambah beliau, dua keretas siasatan dibuka mengikut Akta 586 dan Akta 804 untuk proses pendakwaan kes tersebut.

Menurutnya, JKNP memandang serius isu amalan pergigian oleh individu tidak

“

Pengoperasian premis tanpa didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula adalah pelanggaran Subseksyen 4(1) Akta 586 dan boleh dihukum di bawah subseksyen 5(1) akta yang sama." - Dr Rusdi Abd Rahman



MEJA BULAT

Diskusi Mencepta Resolusi

SISTEM PENUDIKAN MALAYSIA:
SELEPAS 60 TAHUN,
DI MANA SILAPNYA?



ZIRAS UNTUK TONTON VIDEO PENUH

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG SABTU

1 SULTAN SELANGOR TIDAK BERKENAN TUKAR NAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2 BERANG DICURANGI, LELAKI TIKAM ISTERI BERKALI-KALI HINGGA MATI

3 DUA BERADIK MAUT ANAK YATIM, ATLET OLAHRAGA SEKOLAH

4 SYED SADDIQ AKAN KEMUKA RAYUAN, MAHU BERSIKHAN NAMA DI MAHKAMAH

5 TAK RELEVAN GUNA BALIK NAMA UNIVERSITI PERTANIAN ALUMNI UPM

6 GURU TADIKA RUGI RM811,500 DITIPU PELABURAN TIDAK WUJUD

7 APA HAK ENCIK TAHAN SAYA!

8 JURUTERA LEPASAN UNIVERSITI JEPUN TINGGALKAN KERJAYA DEMI JAGA IBU SAKIT

9 AHMAD MASLAN KONGSI RESIPI KACANG PANJANG TEMPE DI TIKTOK

10 PENUNGGANG MAUT MOTOSIKL TERBAVAS